

22 AUG 1999

Mahathir-Rusia

MALAYSIA MAHU PASARKAN HELIKOPTER RUSIA

Oleh: Azman Ujang

ULAN UDE (Rusia), 22 Ogos (Bernama) -- Malaysia mahu memasarekan helikopter MI-171 buatan Rusia di Asia Tenggara kerana percaya terdapat pasaran yang besar bagi helikopter itu di rantau ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini Ahad.

"Pemasaran helikopter di Asia Tenggara belum berkesan dan dalam hubungan ini, Malaysia oleh membantu untuk memasarkannya di rantau itu," kata beliau pada persidangan media di Rumah Rehat kerajaan sebelum bertolak selepas lawatan tiga hari ke Republik Buryatia.

Perdana Menteri berkata Malaysia sendiri sedang mengkaji kemungkinan menggunakan helikopter seumpama itu tetapi ia perlu diubahsuai untuk memenuhi keadaan di Malaysia.

Dr Mahathir semalam melawat Kilang Penerbangan Ulan Ude di sini yang mengeluarkan helikopter sementara para pegawai Aerospace Industries Malaysia Sdn Bhd (AIM) meneruskan rundingan dengan pegawai syarikat mengenai kerjasama untuk mengubahsuai pesawat.

Malaysia tahun lalu membeli dua buah helikopter MI-17 buatan Rusia, versi yang berlainan daripada MI-171, untuk digunakan dalam operasi memadamkan kebakaran dan pembenihan awan.

"Pihak tentera mahu menggunakan helikopter MI-171 untuk operasi mencari dan menyelamatkan tetapi untuk tujuan ini, ia perlu diubahsuai," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada Malaysia juga bercadang untuk membeli jet pejuang Sukhoi, Perdana Menteri berkata pesawat Sukhoi akan menjadi saingan bagi pesawat seperti itu jika Malaysia memutuskan untuk membelinya pada masa depan..

Dr Mahathir melawat kilang di sini yang mengeluarkan pesawat itu dan juga di Komsomolsk-na-Amur.

Kepada soalan dari seorang wartawan Rusia sama ada Malaysia menghadapi ancaman dari mana-mana pihak dan mengenai kerjasama di kalangan negara-negara Asia Tenggara, beliau berkata Malaysia tidak menghadapi ancaman tetapi seperti negara lain ingin memodenkan sistem persenjataan seumpama itu dan dalam proses itu, tentulah mencari yang terbaik dan menjimatkan kos.

"Kita tidak takut apa-apa dan mengenai kerjasama di kalangan negara-negara anggota Asean, Malaysia bekerjasama untuk mencapai pemulihan ekonomi," kata beliau.

Dr Mahathir menyifatkan lawatannya ke republik autonomi Rusia ini serta lawatan awalnya ke Khabarovsk di timur jauh Rusia minggu lalu sebagai "amat berhasil" ke arah membuka jalan bagi meningkatkan kerjasama antara Malaysia dan kedua-dua wilayah berkenaan.

Tetapi Dr Mahathir berkata sebelum perdagangan antara Malaysia dan Buryatia dapat ditingkatkan, kedua-dua pihak perlu mengatasi masalah berhubung dengan penghantaran barangan.

"Ini kerana tidak ada penerbangan terus antara Malaysia dan Buryatia dan jika kita membeli barangan dari republik ini, kita perlu mencari cara pengangkutan yang berkesan untuk membawa barangan itu ke Malaysia. Begitu juga, jika kita mempunyai barangan untuk dieksport ke Buryatia, kita perlu mengatasi masalah pengangkutan."

Beliau berkata lawatannya ke kedua-dua wilayah Rusia itu ialah lanjutan daripada perhubungan baik antara Malaysia dan Rusia dan sebagai sebuah negara yang besar, tentulah terdapat potensi yang besar di wilayah yang luas.

Dr Mahathir berkata beliau memutuskan untuk mengetahui lebih lanjut mengenai republik itu sebagai sebahagian daripada Rusia serta menggerakkan hubungan dua hala ke tahap lebih tinggi.

"Sebenarnya, kita telahpun menjalin perhubungan yang baik terutama dalam industri penerbangan dan saya berpendapat ia akan berkembang menjadi sesuatu yang menguntungkan," kata beliau.

Perdana Menteri yang tidak melakukan lawatan rasmi ke Moscow sejak 1987 juga ditanya jika beliau bercadang untuk berbuat demikian pada masa depan.

"Kita agak sibuk sekarang kerana perlu mengadakan pilihan raya umum sebelum pertengahan tahun depan. Rusia juga akan mengadakan pilihan raya tidak lama lagi. Selepas ini, saya mungkin mempertimbangkan untuk melakukan lawatan itu," kata beliau.

Dr Mahathir berkata kedua-dua wilayah Rusia yang baru dilawatinya belum dikenali oleh rakyat Malaysia dan Asia Tenggara dan perkara pertama yang perlu dilakukan ialah memaklumkan potensi dan keindahannya supaya orang akan berminat untuk membuat perniagaan dan lawatan.

Beliau berkata pertukaran rancangan televisyen amat berguna dan pada masa yang sama rakyat Malaysia perlu mengetahui lanjut mengenai undang-undang Persekutuan dan wilayah Rusia serta dasar-dasarnya untuk merebut apa yang boleh ditawarkan oleh negara berkenaan.

Malaysia juga sedang mengkaji kemungkinan untuk menebang kayu balak dan bahan galian dari republik ini dan mengimport kain sutera.

Berikutan krisis ekonomi serantau, kebanyakan perdagangan Malaysia-Rusia dijalankan secara kontra yang bermakna setiap negara membayar barangan dengan barangan dan hanya membayar dengan wang jika harga berlebihan.

Seorang wartawan Rusia bertanya sama ada Malaysia akan membayar dengan wang bagi barangan Rusia pada masa depan.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah berjaya mengatasi masalah ekonominya dan mencatatkan pertumbuhan menggalakkan dengan rizab pertukaran asing bernilai AS\$32 bilion.

"Kita boleh membayar dengan wang jika perlu," kata beliau.

Perdana menteri mengadakan persidangan media itu sejurus selepas tiba setelah lapan jam meninjau dan melawat Tasik Baikal, tasik paling dalam di dunia iaitu satu jam perjalanan dari sini dengan helikopter.

Beliau dan anggota delegasi Malaysia yang lain dibawa ke jeti dan menyaksikan pemandangan tasik itu yang sungguh luas sehingga keluasanya menyamai lautan.

Air dari tasik itu sungguh jernih dan bebas daripada pencemaran sehingga Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali meminum segelas air yang diambil terus dari tasik itu.

Mereka kemudian menaiki bot untuk mengelilingi tasik selama dua jam sambil menikmati pemandangan.

Presiden Potapov kemudian mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir, yang menaiki jet eksekutif untuk pulang ke Kuala Lumpur. Beliau dijangka tiba pada pagi Isnin.

-- BERNAMA

AU JK TS FAZ